



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS

Pendidikan Islam

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 2



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS

Pendidikan Islam

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 2

Bahagian Pembangunan Kurikulum

MEI 2016

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	viii
Pendahuluan.....	1
Matlamat	4
Objektif	4
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	5
Fokus	6
Kemahiran Abad Ke-21	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	8
Elemen Merentas Kurikulum	14
Pentaksiran Sekolah.....	18
Organisasi Kandungan	20
Tilawah al-Quran	24
Hafazan.....	25

Ayat kefahaman	29
Hadis.....	30
Aqidah	31
Ibadah	34
Sirah	37
Akhlak.....	39
Panel Penggubal.....	41



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996
[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas digubal bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBK) seiring dengan KSSM yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017. Kurikulum ini memberi fokus kepada bidang kemahiran vokasional yang relevan dengan keperluan MBK.

KSSM Pendidikan Khas digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM Pendidikan Khas menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang didalamnya mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran.

Standard Pentaksiran di dalam DSKP akan membolehkan murid ditaksir secara berterusan agar guru dapat mengenalpasti tahap penguasaan murid dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM Pendidikan Khas, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM (Pendidikan Khas). Semoga pelaksanaan KSSM Pendidikan Khas akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Penggubalan KSSM Pendidikan Khas mengambil kira pendidikan yang sesuai dan relevan bagi dua kumpulan MBK iaitu yang berkeupayaan mengikuti mata pelajaran kemahiran vokasional, dan berkefungsian rendah (MBK-KR) iaitu yang mempunyai kombinasi ketidakupayaan kognitif dan satu atau lebih ketidakupayaan yang melibatkan bahasa dan komunikasi, tingkah laku, pengurusan diri, motor kasar, motor halus dan sensori.

KSSM Pendidikan Khas menyediakan ruang dan peluang untuk MBK yang berkeupayaan mempelajari dan menguasai pengetahuan dan kemahiran vokasional, serta nilai ke arah menghasilkan modal insan yang berkemahiran bekerja dan mampu berdikari. Bagi MBK-KR, KSSM Pendidikan Khas turut menyediakan ruang dan peluang untuk kumpulan murid berkenaan belajar mengurus diri, menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran, serta mengamalkan nilai murni agar mereka boleh bersosialisasi dan berdikari dalam menjalani kehidupan seharian.

KSSM Pendidikan Khas terdiri daripada kumpulan mata pelajaran teras dan kemahiran. Kumpulan mata pelajaran teras secara umumnya bertujuan menyediakan dan mengukuhkan MBK

dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan bagi membolehkan MBK mengikuti pembelajaran mata pelajaran kemahiran

Kumpulan mata pelajaran kemahiran terdiri daripada mata pelajaran asas kemahiran dan kemahiran vokasional spesifik. Mata pelajaran asas kemahiran berhasrat menghasilkan MBK yang berpengetahuan dan berkemahiran teknikal, mengamalkan budaya kerja sistematik dan selamat, dan bersedia menguasai kemahiran vokasional spesifik di tahap yang lebih tinggi serta mengamalkan sikap keusahawan.

Penyediaan kurikulum mata pelajaran kemahiran vokasional spesifik adalah berpandukan *National Occupational Skills Standards* (NOSS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar MBK turut mendapat pengiktirafan dari agensi luar di samping pensijilan oleh KPM, dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran MBK.

Bagi MBK yang tidak berkeupayaan mengikuti kemahiran vokasional, kurikulum mata pelajaran teras dan kemahiran juga disediakan. Kumpulan mata pelajaran teras adalah bertujuan untuk menyediakan MBK-KR dengan pengetahuan dan kemahiran mengurus diri, bahan dan peralatan. Manakala mata pelajaran kemahiran memberi fokus kepada usaha mengembangkan bakat dan potensi murid supaya dapat mengamalkan kemahiran yang diperolehi dalam menjalani kehidupan seharian.

Bagi menyediakan MBK yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai-nilai murni, serta berdikari dalam menempuh alam kedewasaan dan kerjaya, maka proses peralihan atau transisi disediakan secara langsung semasa proses p&p. MBK disediakan dengan pelbagai kemahiran insaniah agar mereka mampu menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan.

Antara aspek transisi yang perlu diterapkan adalah:

1. Kemahiran Kehidupan (*Life Coping Skill*)

Aspek penting yang perlu ditekankan ialah memberi pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan diri dan pengurusan masa. MBK juga perlu mampu untuk mengawal emosi dan tingkah laku yang bersesuaian mengikut situasi.

2. Kemahiran Akademik

Antara kemahiran akademik yang perlu MBK kuasai ialah kemahiran asas iaitu membaca, menulis, mengira serta kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

3. Kemahiran Kerjaya (*Occupational and Vocational Skills*)

Kemahiran dan pengetahuan khusus berkaitan pekerjaan merupakan aspek yang penting perlu dikuasai oleh MBK agar mereka boleh beradaptasi dengan baik di tempat kerja. MBK perlu diterapkan dengan ciri seperti menepati masa, menguasai kemahiran vokasional, menunjukkan kesungguhan terhadap kerja, memiliki etika kerja yang tinggi, mempraktikkan keselamatan, memiliki ciri keusahawanan, mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

4. Kemahiran komunikasi dan bersosial

Antara aspek utama yang perlu ditekankan ialah kemahiran mendengar, kemahiran bergaul dengan rakan sekerja, bekerja di dalam kumpulan, berdiplomasi serta penggunaan bahasa badan yang sesuai. Ini penting dalam melahirkan individu yang boleh bekerjasama, menghormati orang lain dan boleh beradaptasi dengan baik dalam persekitaran pekerjaan.

5. Advokasi diri

MBK perlu diterapkan dengan ciri-ciri advokasi diri bagi membentuk mereka menjadi individu yang berkeyakinan, berani, berdisiplin, serta berdikari. Perkara yang perlu dititikberatkan dalam advokasi diri ialah:

5.1 Kesedaran diri

MBK perlu memahami dan menerima keadaan diri. Dalam pada itu, mereka seharusnya menyedari secara khusus mengenai minat, kekuatan, kelemahan dan matlamat diri. Secara tidak langsung, ini dapat membentuk sifat kebertanggungjawaban dalam diri.

5.2 Pengetahuan mengenai hak

MBK perlu mengetahui hak mereka sebagai individu, hak sebagai pengguna serta hak sebagai pekerja. Mereka juga perlu diterapkan dengan kemahiran untuk mempertahankan hak diri. Aspek ini penting agar mereka menyedari tentang hak yang berkaitan apabila berada di alam pekerjaan.

5.3 Menyuarakan pendapat kepada orang lain

MBK perlu memiliki kemahiran untuk menyuarakan pendapat mereka dengan cara yang sesuai. Contohnya

penggunaan bahasa dan nada suara yang sesuai serta penggunaan bahasa badan yang betul.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas Pendidikan Islam bermatlamat untuk menghasilkan insan yang berilmu, beriman dan beramal soleh serta berakhlak mulia dengan menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan dalam kehidupan seharian supaya menjadi hamba Allah SWT yang berjaya di dunia dan akhirat bersesuaian dengan tahap kefungsiian murid.

OBJEKTIF

KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tingkatan Satu membolehkan MBK mencapai objektif berikut:


1. Membaca ayat-ayat pilihan dari al-Quran dengan betul serta mengamalkan dalam kehidupan harian;
2. Menghafaz surah-surah terpilih dari juzuk Amma untuk bacaan dalam solat dan ibadat harian;
3. Menghayati maksud potongan ayat pilihan dari al-Quran dan mengamalkannya;
4. Menghayati dan mengamalkan maksud daripada potongan hadis pilihan;
5. Meyakini asas-asas keimanan sebagai pegangan akidah dan benteng keagamaan;
6. Mengamalkan ibadah-ibadah asas kefardhuan sebagai kewajipan umat Islam;
7. Mengambil iktibar daripada sirah Rasulullah SAW bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda; dan mengamalkan adab menuntut ilmu dalam kehidupan seharian.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Pendidikan Islam digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.

Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah



FOKUS

KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Islam memberi penekanan kepada kemahiran membaca ayat-ayat pilihan, memahami ayat daripada surah pilihan dari al-Quran, maksud hadis, asas-asas akidah, ibadah, akhlak serta sirah Rasulullah SAW dengan harapan murid berupaya memahami, mengamal dan mengahayati tuntutan syariah Islam dalam kehidupan harian.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Pendidikan Islam menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad 21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
	Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk

PROFIL MURID	PENERANGAN
	berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.

Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyzoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi p&p yang dirancang perlu memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan p&p berasaskan aktiviti. Murid dilibatkan secara aktif dalam p&p yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Perancangan, matlamat pendidikan dan strategi p&p ini perlu didokumenkan dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme,

pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalaman, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

Dalam strategi p&p inkuiri, murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan hasil penerokaan. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah inkuiri. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

Konstruktivisme

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada

diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

- Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
- Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

Pembelajaran Masteri

Pendekatan Masteri memastikan semua murid menguasai standard pembelajaran yang ditetapkan sebelum berpindah ke standard pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini

berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar jika diberi peluang. Peluang perlu diberi kepada murid untuk belajar mengikut kadarnya. Aktiviti pemulihan dan pengayaan perlu dilaksanakan bagi murid yang belum menguasai asas masteri, sementara aktiviti pengayaan dilaksanakan oleh murid yang telah mencapai aras masteri.

Analisis Tugas

Pendekatan Analisis Tugas melibatkan proses pembahagian kemahiran kepada beberapa komponen atau langkah mudah untuk dikuasai dan dipelajari oleh seseorang murid. Strategi ini membantu guru menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid. Pendekatan Analisis Tugas dilaksana melalui langkah seperti berikut:

- i. Memastikan kemahiran yang sesuai diajar pada murid mengikut tahap keupayaan.
- ii. Menghuraikan secara ringkas kemahiran dipilih.
- iii. Kemahiran yang dipilih dipecahkan kepada langkah-langkah kecil.
- iv. Buat penyesuaian langkah pembelajaran mengikut keupayaan dan kebolehan murid.

- v. Guru membuat pemerhatian dan penilaian terhadap kemahiran yang dikuasai murid.
- vi. Membuat penambahan dan perubahan di mana perlu sehingga murid dapat menguasai kemahiran yang hendak diajar.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan proses p&p yang berasaskan inkuiri. Strategi ini memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses p&p bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri-ciri Belajar Melalui Bermain (BMB) adalah seperti berikut:

1. Aktiviti yang menyeronokkan.
2. Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
3. Permainan bebas dan terancang.
4. Keanjalan masa.
5. Percubaan idea sendiri.
6. Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses p&p murid. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid.

Pendekatan PB melibatkan:

- i. Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
- ii. Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
- iii. Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
- iv. Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- v. Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

Kesesuaian dengan kehidupan murid.

- i. Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
- ii. Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
- iii. Sumber yang mudah didapati.

- iv. Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

Pembelajaran Pengalamian

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian adalah berdasarkan kesediaan dan keupayaan individu murid khususnya MBK. Pendekatan ini meningkatkan keupayaan sendiri individu di mana murid diberi peluang menilai keupayaan diri sendiri.

Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
- Menjelaskan peranan murid dalam tugas.
- Memastikan sumber untuk proses pembelajaran ada dan mudah diperolehi.
- Menyusun sumber untuk proses pembelajaran.
- Seimbangkan komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.
- Berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkong mereka.

Proses pembelajaran bagi Pendekatan Pengalamian ialah:

- i. Guru menentukan matlamat dan objektif untuk individu dan/atau kumpulan.
- ii. Guru merancang aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan kesediaan murid.
- iii. Guru perlu menjelaskan tentang tugas atau aktiviti yang akan dijalankan dengan murid dan berbincang mengenai apa yang diharapkan daripada murid.
- iv. Murid perlu ditempatkan dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.
- v. Pembelajaran berlaku melalui pengalaman pembelajaran dan guru memberi maklumat tentang apa yang dilakukan atau dipelajari.
- vi. Guru memberikan bantuan, latihan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baru dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

1. Memperoleh pengalaman sebenar.
2. Meningkatkan kecergasan dan perkembangan fizikal.

3. Bersosialisasi dan berkomunikasi.
4. Melaksanakan aktiviti yang menggembirakan.
5. Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
6. Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

Rancangan Pendidikan Individu

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan dokumen yang disediakan oleh guru bagi menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang berasaskan keperluan MBK. Guru boleh mengenal pasti tahap kebolehan dan perkembangan murid melalui ujian diagnostik secara lisan, penulisan dan pemerhatian. RPI dibentuk berasaskan keperluan MBK dan perlu dipersetujui dan ditandatangani oleh ibubapa/ penjaga.

Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013;

“Rancangan Pendidikan Individu (RPI) ertinya suatu rekod yang mengandungi butiran

sebagai mana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar yang menyatakan tentang rancangan pendidikan bagi setiap MBK”

Punca kuasa RPI pula adalah daripada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2004;

“Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kurikulum ini, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) setiap murid hendaklah disediakan”.

Kumpulan multidisiplinari seperti pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK), audiologis, psikologi, juru pulih dan terapi cara kerja diperlukan dalam membuat cadangan serta perancangan pendidikan untuk membantu dalam pelaksanaan RPI. Kolaboratif antara pihak sekolah, ibubapa, dan MBK sendiri, pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain dapat memperkukuhkan lagi matlamat RPI.

Kolaboratif Antara Pelbagai Pihak

Kolaboratif adalah usahasama di antara beberapa pihak, kumpulan, organisasi atau disiplin untuk melaksanakan

sesuatu program. Sumbangan dan peranan yang diberikan adalah berbeza antara satu sama lain.

Aspek latihan yang disediakan untuk murid merupakan satu perkara penting sama ada dijalankan secara dalaman atau luaran. Latihan yang dijalankan adalah sepanjang masa persekolahan mengikut jadual yang ditetapkan dan keperluan setiap individu.

1. Latihan Kemahiran Kerja

Latihan Kemahiran Kerja perlu didedahkan kepada MBK bermatlamat menyediakan latihan bagi meningkatkan dan menguasai kemahiran sendiri, komunikasi, sosialisasi serta kemahiran asas berkaitan alam pekerjaan.

Terdapat tiga bentuk Latihan Kemahiran Kerja iaitu:

i. Latihan dalaman.

Melaksanakan aktiviti berbentuk projek yang telah dirancang seperti perkebunan, aktiviti perdagangan hasil tanaman atau hasil kerja

murid, dan memelihara haiwan ternakan dan lain-lain.

ii. Latihan kerja yang melibatkan pihak luar atau kerja luar.

Mendapatkan barangan dari luar (kilang) untuk pembungkusan dalam waktu persekolahan. Membuat barangan yang tertentu, contohnya hasil kraftangan seperti batik, bunga telur dan lain-lain untuk dijual.

iii. Latihan kerja sebenar.

Mewujudkan situasi sebenar untuk sesuatu latihan kerja seperti mencuci kereta, mendobi, dan lain-lain yang dibuat di sekolah. Murid dihantar bekerja di tempat sebenar dan pemantauan dibuat oleh pegawai kerja.

2. Bengkel Terlindung

Fungsi bengkel terlindung adalah untuk memberi pengalaman, latihan, penilaian dan pekerjaan kepada individu MBK. Terdapat bengkel terlindung yang beroperasi sendiri (di bawah pengurusan sekolah) atau bekerjasama dengan agensi yang memberi

perkhidmatan berkaitan dengan kerjaya. Bengkel terlindung tidak mementingkan hasil pengeluaran tetapi lebih mengutamakan pengalaman bekerja individu, menanam minat, memenuhi keperluan sosial dan memberi kemahiran interpersonal.

Antara perkhidmatan yang diberikan di bengkel terlindung adalah seperti berikut:

- (i) Penilaian kemahiran vokasional.
- (ii) Latihan bekerja secara umum atau khusus.
- (iii) Memberi peluang latihan kepada individu yang berkeperluan khas.
- (iv) Peluang berekreasi.
- (v) Perkhidmatan untuk mendapat pekerjaan pada masa hadapan.
- (vi) Bekerja dalam jangka masa panjang sebelum mendapat pekerjaan lain.

3. Pelbagai Kaedah Terapi

(i) Terapi Pertuturan

Terapi pertuturan membantu MBK yang mengalami kesukaran dalam menyebut perkataan dan berkomunikasi, menghasilkan bunyi-bunyi bahasa serta memberikan latihan tertentu bagi MBK yang mengalami masalah artikulasi untuk bertutur.

(ii) Terapi Fizikal (Fisioterapi)

Terapi fizikal memberi pengaruh yang besar terhadap kehidupan MBK. Terapi jenis ini khusus untuk MBK yang mempunyai masalah kawalan motor. Terapi fizikal yang dilaksanakan dapat meningkatkan lagi perkembangan kecerdasan fizikal mengikut keutamaan.

(iii) Terapi Carakerja

Terapi carakerja merupakan aktiviti yang menjurus kearah membantu MBK bermasalah fizikal dan intelek bagi mengatasi ketidakupayaan semaksima yang mungkin.

(iv) Terapi Muzik

Terapi muzik bertujuan untuk mententeramkan MBK supaya bersedia untuk belajar. Guru menggunakan muzik untuk merangsang minda dan menarik perhatian MBK. Terapi muzik digunakan untuk mengawal emosi dan dijalankan oleh seorang terapis.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.

- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - Penggunaan teknologi dalam aktiviti P&P.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.

- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad 21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif

terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.

- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, Negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam p&p secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah

melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompoun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang

tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses p&p, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan pencapaian murid, guru harus menggunakan strategi pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Pelbagai bentuk.
- ii. Adil kepada semua murid.
- iii. Mengambil kira pelbagai aras kognitif
- iv. Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.

- v. Mengambil kira pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid dan mentaksir sejauh mana mereka fahami.

Pentaksiran Sekolah (PS) merupakan antara satu komponen utama dalam p&p kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam p&p. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha membentuk insan yang harmonis dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas di pihak guru dan sekolah untuk memperkembangkan potensi MBK ke tahap tertinggi mengikut keupayaan masing-masing. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- Holistik iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;

- Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan p&p;
- Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan
- Merujuk Standard Prestasi yang dibina berdasarkan Standard Kurikulum.

PS boleh dilaksanakan secara:

- Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses p&p.
- Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Pentaksiran Standard Prestasi

Standard Prestasi Pendidikan Islam diguna untuk melihat kemajuan dan perkembangan murid dalam pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Perkembangan murid dilaporkan dengan

menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap

penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Pentaksiran yang dilaksanakan seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 3 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tingkatan 3.

Jadual 3: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan KSSM
Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tingkatan 2

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN UMUM
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi tindak balas terhadap perkara asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal, dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif, serta boleh dicontohi.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas Mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Satu di bangunkan dengan memberi penekanan kepada Standard

Kandungan dan Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid mengikut keupayaan mereka. Standard Kandungan Mata pelajaran Pendidikan Pendidikan Islam dibahagikan kepada 6 bidang iaitu :

1. Bidang Al-Quran

Bidang ini di bahagikan kepada 3 bahagian iaitu membaca ayat-ayat pilihan dari al-Quran dengan betul, menghafaz surah tertentu dan memahami potongan ayat serta menghayatinya.

2. Bidang Hadis

Bidang ini memberikan tumpuan kepada memahami potongan maksud hadis secara umum serta menghayati pengajarannya.

3. Bidang Akidah

Bidang Akidah ini memberikan tumpuan kepada pembentukan akidah, sikap dan tanggungjawab terhadap Allah SWT, pemahaman akidah yang sahih dan mengaplikasikan tuntutan akidah dalam tuntutan harian.

4. Bidang Ibadah

Bidang ini memberikan tumpuan kepada memahami dan menghayati cara beribadah yang disyariatkan oleh Allah swt dan mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

5. Bidang Sirah

Bidang ini memberikan tumpuan kepada memahami sirah Rasulullah saw dan mengambil iktibar daripadanya serta mengaplikasikan dalam kehidupan harian.

6. Bidang Akhlak

Bidang ini memberikan tumpuan kepada menghayati adab-adab menuntut ilmu berlandaskan syariat islam.

Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 4 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 4: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Peruntukan Waktu

Waktu pdp bagi Pendidikan Islam adalah 2 jam 30 minit seminggu .

1.0 TILAWAH AL-QURAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Ayat 255 Surah Al-Baqarah	Murid berupaya:		
	1.1.1 Membaca potongan ayat pertama ayat 255 Surah Al-Baqarah: اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ	1	Melafazkan kalimah demi kalimah dalam potongan ayat pertama hingga ketiga dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan bimbingan.
	1.1.2 Membaca potongan ayat kedua ayat 255 Surah Al-Baqarah: لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ	2	Membaca kalimah demi kalimah mengikut turutan dalam potongan ayat pertama hingga ketiga dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah .
		3	Membaca potongan ayat pertama hingga ketiga dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan bimbingan.
	1.1.3 Membaca potongan ayat ketiga ayat 255 Surah Al-Baqarah: لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ	4	Membaca potongan ayat pertama hingga ketiga dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul.
		5	Membaca potongan ayat pertama hingga ketiga dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul dan bertajwid.
		6	Membaca potongan ayat pertama hingga ketiga dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul dan bertajwid serta dapat membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
	1.1.4 Membaca potongan ayat keempat 255 Surah Al-Baqarah:	1	Melafazkan kalimah demi kalimah dalam potongan ayat keempat hingga keenam dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan bimbingan.
	<p>مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ</p>	2	Membaca kalimah demi kalimah mengikut turutan dalam potongan ayat keempat hingga keenam dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah .
	1.1.5 Membaca potongan ayat kelima 255 Surah Al-Baqarah:	3	Membaca potongan ayat keempat hingga keenam dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan bimbingan.
	<p>يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ</p>	4	Membaca potongan ayat keempat hingga keenam dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul.
	1.1.6 Membaca potongan ayat keenam 255 Surah Al-Baqarah:	5	Membaca potongan ayat keempat hingga keenam dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul dan bertajwid.
	<p>وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ</p>	6	Membaca potongan ayat keempat hingga keenam dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul dan bertajwid serta dapat membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
	1.1.7 Membaca potongan ayat ketujuh 255 Surah Al-Baqarah:	1	Melafazkan kalimah demi kalimah dalam potongan ayat ketujuh hingga kelapan dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan bimbingan.
	<p>وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ</p>	2	Membaca kalimah demi kalimah mengikut turutan dalam potongan ayat ketujuh hingga kelapan dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah .
	1.1.8 Membaca potongan ayat kelapan 255 Surah Al-Baqarah:	3	Membaca potongan ayat ketujuh hingga kelapan dalam ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan bimbingan.
	<p>وَلَا يُؤْدُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ</p> <p>الْعَظِيمُ</p>	4	Membaca ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul.
	1.1.9 Membaca ayat 255 Surah Al-Baqarah	5	Membaca ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul dan bertajwid.
		6	Membaca ayat 255 Surah Al-Baqarah dengan betul dan bertajwid serta dapat membimbing rakan

2.0 HAFAZAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Surah Al-Asr	Murid berupaya:		
	2.1.1 Membaca dan menghafaz ayat satu hingga ayat dua Surah Al-Asr	1	Melafazkan kalimah demi kalimah daripada Surah Al-Asr dengan bimbingan.
	2.1.2 Membaca dan menghafaz ayat tiga Surah Al-Asr	2	Melafazkan ayat demi ayat daripada Surah Al-Asr dengan bimbingan.
	2.1.3 Membaca dan menghafaz ayat dua hingga ayat tiga Surah Al-Asr	3	Membaca dan menghafaz Surah Al-Asr ayat demi ayat secara talaqqi dan musyafahah.
	2.1.4 Menghafaz Surah Al-Asr	4	Membaca dan menghafaz Surah Al-Asr dengan betul.
		5	Membaca dan menghafaz Surah Al-Asr dengan bertajwid.
		6	Membaca dan menghafaz Surah Al-Asr dengan bertajwid.dan dapat membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.2 Surah Al-Kafirun	Murid berupaya:		
	2.2.1 Membaca dan menghafaz ayat satu hingga ayat dua Surah Al-Kafirun	1	Melafazkan kalimah demi kalimah daripada Surah Al-Kafirun dengan bimbingan.
	2.2.2 Membaca dan menghafaz ayat tiga hingga ayat empat Surah Al-Kafirun	2	Melafazkan ayat demi ayat daripada Surah Al-Kafirun dengan bimbingan.
	2.2.3 Membaca dan menghafaz ayat lima hingga ayat enam Surah Al-Kafirun	3	Membaca dan menghafaz Surah Al-Kafirun ayat demi ayat secara talaqqi dan musyafahah.
	2.2.4 Menghafaz Surah Al-Kafirun	4	Membaca dan menghafaz Surah Al-Kafirun dengan betul.
		5	Membaca dan menghafaz Surah Al-Kafirun dengan makhraj yang betul dan bertajwid.
		6	Membaca dan menghafaz Surah Al-Kafirun dengan makhraj yang betul dan bertajwid. serta dapat membimbing rakan.

3.0 AYAT KEFAHAMAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.1 Ayat 31 Surah An-Nur : Batasan pergaulan dalam Islam.	Murid berupaya:		
	3.1.1 Menyatakan intisari ayat 31 surah An-Nur	1	Menyatakan intisari ayat 31 Surah An-Nur.
	3.1.2 Menyatakan kepentingan memelihara batasan pergaulan dalam Islam	2	Menyatakan kepentingan memelihara batasan pergaulan dalam Islam.
	3.1.3 Menyatakan kesan buruk akibat tidak memelihara batasan pergaulan	3	Menyatakan batasan pergaulan dalam Islam dengan memberi contoh yang sesuai.
	3.1.4 Menjelaskan contoh pergaulan menurut Islam	4	Menjelaskan kepentingan menjaga batasan pergaulan dan kesan buruk sekiranya tidak dijaga.
		5	Menjelaskan dan menilai kepentingan menjaga batasan pergaulan dan kesan buruk sekiranya tidak dijaga.
		6	Menjelaskan dan menilai kepentingan menjaga batasan pergaulan dan membimbing rakan melaksanakannya.

4.0 HADIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.1 Potongan hadis berkaitan sifat ikhlas dalam amalan :  <i>“Sesungguhnya amalan itu dinilai dengan niat”</i> (Riwayat Al-Bukhari & Muslim,;Hadis Sahih)	Murid berupaya.		
	4.1.1 Menyatakan makna hadis	1	Menyatakan maksud hadis “Sesungguhnya amalan itu dinilai dengan niat”.
	4.1.2 Menyatakan contoh-contoh perbuatan yang kepada keikhlasan	2	Menyatakan kepentingan ikhlas dalam melakukan setiap perbuatan.
	4.1.3 Menyatakan kepentingan ikhlas dalam melakukan setiap perbuatan	3	Menjelaskan pengajaran daripada potongan hadis dengan bimbingan.
	4.1.4 Menjelaskan pengajaran daripada potongan hadis.	4	Menjelaskan pengajaran daripada potongan hadis dengan betul.
		5	Menjelaskan pengajaran daripada potongan hadis beserta contoh dalam kehidupan.
		6	Menjelaskan pengajaran daripada potongan hadis beserta contoh dalam kehidupan dan membimbing rakan.

5.0 AQIDAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.1 Rukun Iman	Murid berupaya:		
	5.1.1 Menyatakan pengertian Rukun Iman	1	Menyatakan pengertian Rukun Iman.
	5.1.2 Menyatakan enam perkara Rukun Iman: <ul style="list-style-type: none"> • Percaya kepada Allah • Percaya kepada Malaikat • Percaya kepada Kitab Allah • Percaya kepada Rasul • Percaya kepada Hari Akhirat • Percaya kepada Qada dan Qadar Allah 	2	Menyenaraikan perkara-perkara dalam Rukun Iman.
		3	Menerangkan kepentingan meyakini Rukun Iman.
	5.1.3 Menerangkan kepentingan meyakini Rukun Iman	4	Menerangkan kepentingan meyakini Rukun Iman dalam kehidupan beserta contoh.
		5	Mencirikan kepentingan meyakini Rukun Iman dalam kehidupan beserta contoh.
		6	Menghuraikan kepentingan meyakini Rukun Iman dalam kehidupan beserta contoh dan boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.2 Percaya kepada Allah	Murid berupaya.		
	5.2.1 Menyatakan dalil wajib berriman kepada Allah	1	Menyatakan hukum percaya kepada Allah.
	5.2.2 Menyatakan bukti Allah Maha Berkuasa	2	Menyatakan bukti Allah Maha Berkuasa dengan memberi contoh.
	5.2.3 Menjelaskan peranan sebagai seorang muslim yang percaya kepada Allah	3	Menjelaskan peranan sebagai seorang muslim yang percaya kepada Allah.
		4	Menerangkan bukti kekuasaan Allah dan menjelaskan tanggungjawab sebagai seorang muslim.
		5	Mencirikan bukti kekuasaan Allah dan menjelaskan tanggungjawab sebagai seorang muslim berserta contoh.
		6	Menjelaskan peranan sebagai seorang muslim yang percaya kepada Allah.dan membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5,3 Percaya kepada Malaikat	Murid berupaya:		
	5.3.1 Menyatakan nama Malaikat yang wajib diyakini	1	Menyatakan nama-nama Malaikat.
	5.3.2 Menyatakan tugas-tugas Malaikat	2	Menerangkan tugas-tugas Malaikat.
	5.3.3 Menjelaskan kepentingan meyakini kewujudan Malaikat	3	Menjelaskan kepentingan meyakini kewujudan Malaikat.
		4	Mencirikan kepentingan meyakini kewujudan Malaikat dalam setiap urusan kita.
		5	Menjelaskan cara meyakini kewujudan Malaikat dengan mengemukakan contoh tindakan sebagai seorang muslim
6		Menjelaskan peranan sebagai seorang muslim yang meyakini kewujudan Malaikat dan membimbing rakan.	

6.0 IBADAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.1 Istinjak	Murid berupaya:		
	6.1.1 Menyatakan pengertian istinjak dan hukum	1	Menyatakan pengertian istinjak dan hukumnya.
	6.1.2 Menyatakan alat-alat istinjak	2	Menyatakan alat-alat yang digunakan untuk istinjak.
	6.1.3 Menerangkan cara beristinjak dalam Islam	3	Menerangkan cara beristinjak dalam Islam dengan bimbingan.
		4	Menerangkan cara beristinjak dalam Islam dengan betul.
		5	Menerangkan cara beristinjak dalam Islam dengan betul beserta contoh-contoh.
6		Menerangkan cara beristinjak dalam Islam dengan betul beserta contoh-contoh dan membimbing rakan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.2 Tayamum	Murid berupaya:		
	6.2.1 Menyatakan pengertian dan hukum tayamum	1	Menyatakan pengertian dan hukum tayamum.
	6.2.2 Menyatakan rukun –rukun tayamum	2	Menyatakan rukun –rukun tayamum.
	6.2.3 Menunjuk cara bertayamum	3	Menunjuk cara bertayamum dengan bimbingan.
		4	Menunjuk cara bertayamum dengan betul.
		5	Menunjuk cara bertayamum dengan betul dengan menggunakan bahan sebenar.
6		Menunjuk cara bertayamum dengan betul dengan menggunakan bahan sebenar dan membimbing rakan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.3 Jenis- jenis mandi	Murid berupaya:		
	6.3.1 Menyatakan pengertian mandi	1	Menyatakan pengertian mandi.
	6.3.2 Menyatakan jenis-jenis mandi dan hukumnya	2	Menyatakan jenis-jenis mandi dan hukumnya.
	6.3.3 Menjelaskan cara – cara mandi wajib	3	Menjelaskan cara – cara mandi wajib dengan bimbingan.
		4	Menjelaskan cara – cara mandi wajib dengan betul.
		5	Menyenaraikan perkara yang perlu dilakukan semasa mandi wajib.
6		Menerangkan cara – cara mandi wajib dengan betul dan membimbing rakan.	

7.0 SIRAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
7.1 Khulafa' Al Rasyidin : <ul style="list-style-type: none"> • Abu Bakar As Siddiq 	Murid berupaya:	1	Menyatakan nama sebenar
	7.1.1 Menyatakan biodata ringkas Abu Bakar As Siddiq	2	Menyatakan sifat peribadi Abu Bakar As Siddiq.
	7.1.2 Menyatakan sifat peribadi Abu Bakar As Siddiq	3	Menjelaskan sumbangan Abu Bakar As Siddiq terhadap perkembangan Islam secara umum.
	7.1.3 Menjelaskan sumbangan Abu Bakar As Siddiq terhadap perkembangan Islam	4	Menjelaskan sumbangan Abu Bakar As Siddiq terhadap perkembangan Islam beserta contoh.
		5	Menyenaraikan sumbangan Abu Bakar As Siddiq terhadap perkembangan Islam mengikut peringkat.
		6	Menjelaskan dengan contoh-contoh sumbangan Abu Bakar As Siddiq terhadap perkembangan Islam dan membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
7.2 Khulafa' Al Rasyidin: • Umar Al-Khattab	Murid berupaya:		
	7.2.1 Menyatakan biodata ringkas Umar Al-Khattab	1	Menyatakan nama sebenar.
	7.2.2 Menyatakan sifat peribadi Umar Al-Khattab	2	Menyatakan sifat peribadi Umar Al –Khattab.
	7.2.3 Menjelaskan sumbangan Umar Al-Khattab terhadap perkembangan Islam	3	Menjelaskan sumbangan Umar Al-Khattab terhadap perkembangan Islam secara umum.
		4	Menjelaskan sumbangan Umar Al-Khattab terhadap perkembangan Islam beserta contoh-contoh.
		5	Menyenaraikan sumbangan Umar Al-Khattab terhadap perkembangan Islam mengikut peringkat.
6		Menjelaskan dengan contoh-contoh sumbangan Umar Al-Khattab terhadap perkembangan Islam.dan membimbing rakan.	

4.0 AKHLAK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
8.1 Adab dengan rakan	Murid berupaya:		
	8.1.1 Menyatakan adab dengan rakan	1	Menyatakan adab dengan rakan.
	8.1.2 Menyatakan kelebihan beradab dengan rakan	2	Menyatakan kelebihan beradab dengan rakan.
	8.1.3 Menunjuk cara beradab dengan rakan	3	Menunjuk cara beradab dengan rakan dengan bimbingan.
		4	Menunjuk cara beradab dengan rakan dengan betul.
		5	Menunjuk cara beradab dengan rakan dalam pelbagai situasi.
6		Menunjuk cara beradab dengan rakan dengan betul dalam pelbagai situasi dan menjadi contoh kepada rakan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
8.2 Sifat amanah	Murid berupaya:		
	8.2.1 Menyatakan pengertian Amanah	1	Menyatakan pengertian amanah.
	8.2.2 Menjelaskan kebaikan bersifat amanah	2	Menyatakan contoh perilaku amanah.
	8.2.3 Menunjuk cara perlakuan bersifat amanah	3	Menunjuk cara perlakuan bersifat amanah dengan bimbingan.
		4	Menunjuk cara perlakuan bersifat amanah dengan betul.
		5	Menunjuk cara perlakuan bersifat amanah dengan betul dalam pelbagai situasi.
6		Menunjuk cara perlakuan bersifat amanah dengan betul dalam pelbagai situasi dan membimbing rakan.	

PANEL PENGUBAL

- | | |
|------------------------------|---|
| 1. Abd. Rasid bin Hj Jali | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. Salehah binti Abd. Rahman | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. Haris bin Yusof | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. Roslan bin Majuki | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 5. Ismail bin Sulaiman | SMK Sultan Alauddin, Jasin, Melaka |
| 6. Roslan bin Yaacob | SMK Simpang Bekoh, Masjid Tanah, Melaka |
| 7. Rokiah binti Abdullah | SMPKV Shah Alam, Selangor |

Turut Menyumbang

- | | |
|-------------------------|------------------------------------|
| 1. Suyuti bin Muhammad | Bahagian Pendidikan Khas |
| 2. Fasiah bt. Mat Yusop | SK Bagan Serai, Bagan Serai, Perak |

PENGHARGAAN**Penasihat**

Dr. Sariah binti Abd. Jalil	-	Pengarah
En. Shamsuri bin Sujak	-	Timbalan Pengarah
Datin Dr. Ng Soo Boon	-	Timbalan Pengarah

Penasihat Editorial

Dr. A'azmi bin Shahri	-	Ketua Sektor
En. Mohamed Zaki bin Abd. Ghani	-	Ketua Sektor
Tn. Haji Naza Idris bin Saadon	-	Ketua Sektor
Hajah Chettrilah binti Othman	-	Ketua Sektor
Pn. Zaidah binti Mohd. Yusof	-	Ketua Sektor
En. Mohd Faudzan bin Hamzah	-	Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	-	Ketua Sektor
En. Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	-	Ketua Sektor



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4 - 8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>